



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Bahagian Pendidikan Swasta
Aras 3, Blok E2, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Wilayah Persekutuan Putrajaya

Telefon : 603-8884 9000
: 603-8884 9536
Faks : 603-8888 6676 / 79
Laman Web : www.moe.gov.my

Ruj Kami: KPM.100-1/7/8 Jld.2(49)

Tarikh : 11 Mei 2021

**Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri
(Seperti Senarai Edaran)**

YBhg. Datuk/Tuan/Puan,

**PENGOPERASIAN INSTITUSI PENDIDIKAN SWASTA YANG BERDAFTAR DENGAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA SEMASA PERINTAH KAWALAN
PERGERAKAN**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Seperti yang pihak YBhg. Datuk/tuan/puan sedia maklum, YAB Perdana Menteri telah mengeluarkan satu kenyataan media berkaitan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara bermula 12 Mei 2021 sehingga 7 Jun 2021.
3. Semua institusi pendidikan ditutup sepanjang tempoh tersebut. Arahan ini juga terpakai kepada semua institusi pendidikan swasta (IPS) yang berdaftar dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Pengecualian diberikan kepada murid di sekolah antarabangsa yang akan menduduki peperiksaan antarabangsa seperti IGCSE, IBDP dan peperiksaan antarabangsa yang setara dibenarkan untuk hadir ke sekolah masing-masing mengikut jadual peperiksaan yang ditetapkan oleh badan peperiksaan antarabangsa yang berkenaan. *Standard Operating Procedure* (SOP) pergerakan murid untuk menduduki peperiksaan adalah seperti yang ditetapkan oleh KPM dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).
4. IPS kategori tadika termasuk pusat perkembangan minda bagi kanak-kanak berumur empat hingga enam tahun juga dibenarkan beroperasi. Institusi ini mestilah mematuhi sepenuhnya SOP dan garis panduan yang ditetapkan oleh KPM, MKN dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Pengoperasian institusi ini adalah bertujuan untuk membantu urusan ibu bapa dan penjaga yang bekerja.
5. Sehubungan dengan itu, YBhg. Datuk/tuan/puan dimohon untuk memaklumkan perkara ini kepada semua IPS yang berdaftar di negeri masing-masing. Pihak YBhg. Datuk/tuan/puan juga dimohon untuk memantau kepatuhan IPS terhadap arahan ini dari semasa ke semasa untuk memastikan usaha Kerajaan dalam mengawal penularan virus COVID-19 dapat dilaksanakan di semua peringkat.

Perhatian dan kerjasama daripada pihak YBhg. Datuk/tuan/puan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



FAUZI BIN ASIROP

Pengarah
Bahagian Pendidikan Swasta
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.:

1. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
2. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
(Sektor Operasi Sekolah)
Kementerian Pendidikan Malaysia

KPM.100-1/7/8 ()

Senarai Edaran:

1. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Perlis
Jalan Tun Abdul Razak
Pusat Bandar Kangar
01604 Kangar, Perlis
(u.p: Unit Pendidikan Swasta, Sektor Pengurusan Sekolah)

2. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Kedah
Kompleks Pendidikan Stadium
Jalan, Jalan Pendidikan, Taman Alor Malai
05000 Alor Setar, Kedah
(u.p: Unit Pendidikan Swasta, Sektor Pengurusan Sekolah)

3. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang
Jalan Bukit Gambir
11700 Pulau Pinang
(u.p: Unit Pendidikan Swasta, Sektor Pengurusan Sekolah)

4. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Perak
Jalan Tun Abdul Razak
30640 Ipoh, Perak
(u.p: Unit Pendidikan Swasta, Sektor Pengurusan Sekolah)

5. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Selangor
Jalan Jambu Bol 4/3E, Seksyen 4
40604 Shah Alam, Selangor
(u.p: Unit Pendidikan Swasta, Sektor Pengurusan Sekolah)

6. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan
Jalan Dato' Abdul Kadir
70000 Seremban, Negeri Sembilan
(u.p: Unit Pendidikan Swasta, Sektor Pengurusan Sekolah)

KPM.100-1/7/8 ()

7. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Melaka
Jalan Istana, Bukit Baru
75450 Melaka
(u.p: Unit Pendidikan Swasta, Sektor Pengurusan Sekolah)

8. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Johor
Wisma Pendidikan, Jalan Tun Abdul Razak
80604 Johor Bahru, Johor
(u.p: Unit Pendidikan Swasta, Sektor Pengurusan Sekolah)

9. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Pahang
Bandar Indera Mahkota
25604 Kuantan, Pahang
(u.p: Unit Pendidikan Swasta, Sektor Pengurusan Sekolah)

10. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu
Jalan Bukit Kecil
20604 Kuala Terengganu, Terengganu
(u.p: Unit Pendidikan Swasta, Sektor Pengurusan Sekolah)

11. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan
Bandar baru Tunjong
16010 Kota Bharu, Kelantan
(u.p: Unit Pendidikan Swasta, Sektor Pengurusan Sekolah)

12. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Sabah
Tingkat 5, Rumah Persekutuan
88604 Kota Kinabalu, Sabah
(u.p: Unit Pendidikan Swasta, Sektor Pengurusan Sekolah)

13. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak
Jalan Bako & Lorong Diplomatik 3
Petra Jaya
93050 Kuching, Sarawak
(u.p: Unit Pendidikan Swasta, Sektor Pengurusan Sekolah)

KPM.100-1/7/8 ()

14. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Persiaran Tuanku Syed Sirajudin
50604 Kuala Lumpur
(u.p: **Unit Pendidikan Swasta, Sektor Pengurusan Sekolah**)

 15. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan
Aras 10, Blok 4
Kompleks Ujana Kewangan, Peti Surat 81097
87020 Wilayah Persekutuan Labuan
(u.p: **Unit Pendidikan Swasta, Sektor Pengurusan Sekolah**)

 16. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya
Aras 7, Blok E2, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Wilayah Persekutuan Putrajaya
(u.p: **Unit Pendidikan Swasta, Sektor Pengurusan Sekolah**)
-